



TEKS UCAPAN PERASMIAN

MAJLIS KASIHI PEKEBUN KECIL DAN PENYAMPAIAN ZAKAT RISDA

**YB. DATO' HJ. MOHD SALIM BIN MOHD SHARIF
PENGERUSI RISDA**

**KAMPUNG ORANG ASLI (OA) PANCHOR, JEMPOL,
NEGERI SEMBILAN
18 DISEMBER 2020 (JUMAAT)
3.00 PETANG**

YBhg. En. Abdullah bin Zainal
Ketua Pengarah RISDA

YBrs. En. Abd Rahim bin Hashim
Pengarah RISDA Negeri Sembilan

YBhg. Ketua-Ketua Jabatan Negeri/Daerah

Rakan-rakan Media

Serta tuan-tuan dan puan-puan pekebun yang
dihormati sekalian.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

PENGHARGAAN

1. Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul di Kampung Orang Asli (OA) Panchor, Jempol, Negeri Sembilan pada petang ini

bagi sama-sama menjayakan **‘Majlis Kasih Pekebun Kecil dan Penyampaian Zakat RISDA’** pada petang ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengurusan RISDA Negeri Sembilan atas kesudian menjemput

saya untuk hadir bagi menyempurnakan majlis penyampaian zakat pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

YAYASAN RISDA

2. Yayasan RISDA atau ringkasannya YR adalah merupakan Syarikat Milikan RISDA (SMR) yang

telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA Kali Ke-224 pada 21 Februari 2013. Setelah melalui beberapa peringkat penilaian dan kelulusan, YR akhirnya telah diperbadankan secara rasmi mulai 22 Disember 2015. YR kini diletakkan di bawah kawal selia Bahagian Pejabat Ketua Pengarah.

OBJEKTIF YAYASAN RISDA

3. YR ditubuhkan untuk mengurus dan mentadbir dana untuk faedah dan kebajikan pekebun kecil, warga RISDA dan warga Syarikat Milikan RISDA (SMR) termasuk keluarga terdekat masing-masing, Antara bentuk bantuan yang diuruskan meliputi latihan dan pendidikan, pembangunan sukan dan

kesihatan, ransangan sosio ekonomi dan kebudayaan serta peruntukan kemudahan tambahan. YR turut mewujudkan dan menyediakan dana kepada golongan miskin, kelainan upaya, anak yatim, anak-anak terbiar dan ibu tunggal melalui peruntukan dalam bentuk derma dan bantuan kewangan,

PERANAN YAYASAN RISDA

4. RISDA turut memberi ruang dan peluang kepada YR untuk menyelaraskan program dan inisiatif untuk penyaluran bantuan sebagai usaha mengurangkan dan merapatkan jurang kemiskinan dan kelaparan serta bantuan kepada mangsa bencana alam seperti mana yang kita lakukan pada

hari ini dalam Majlis Penyampaian Zakat kepada masyarakat orang asli dan asnaf yang layak sekitar daerah Jempol, Negeri Sembilan. YR juga sentiasa prihatin dan berusaha untuk memberikan bantuan kebajikan kepada seluruh pekebun kecil yang memerlukan tanpa mengambil kira latar belakang kaum, agama, tempat tinggal dan fahaman politik.

Justeru, pada hari ini saya akan menyampaikan bantuan kepada 44 asnaf muallaf orang asli yang bernilai RM 11,000 yang merupakan dalam bentuk wang tunai dan barangan makanan.

5. Kerajaan sedar bahawa terdapat sebilangan pekebun kecil yang kurang berkemampuan untuk

menyediakan kemudahan asas kepada ahli isi rumah mereka, tambahan pula peningkatan kos sara hidup sejak akhir- akhir ini. Namun, hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan penyediaan kemudahan asas tersebut. Justeru, untuk meringankan beban pekebun kecil dan ahli isi rumahnya, RISDA menyediakan bantuan zakat

yang disampaikan pada hari ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil RISDA melalui Yayasan RISDA untuk membantu kumpulan yang memerlukan.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASLI PANCHOR

6. Saya dimaklumkan bahawa RISDA telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM1.04 juta** untuk tahun **2020** bagi program-program pembangunan di **Kampung Orang Asli Panchor**. Pecahan terbanyak merupakan **Program Tanam**

Semula Getah Semasa yang bernilai RM617,363.32 yang memberi manfaat kepada 66 orang pekebun kecil. RISDA juga turut membina jalan pertanian sepanjang 2.15 km dan 2 unit pembentung di bawah Program Prasarana Asas Pertanian Matang yang memudahkan 229 orang pekebun kecil untuk ke kebun. Dari sudut

Program Skim Insentif Produktiviti Getah sebanyak RM260,000 telah diperuntukan kepada 556 orang penduduk kampung ini. Saya percaya peruntukan-peruntukan yang disalurkan ini membuktikan keprihatinan RISDA dalam memastikan kemajuan masyarakat pekebun kecil terutama masyarakat orang asli di daerah ini.

AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (AET)

7. RISDA turut membantu memajukan pekebun kecil di Kampung Orang Asli Panchor melalui Aktiviti Keusahawanan. **Sebanyak RM20,000 telah disalurkan kepada 2 buah Projek Ternakan Lebah Kelulut (Madu) yang diusahakan oleh orang asli melalui Aktiviti Ekonomi Tambahan**

(AET). Projek tersebut turut menerima bantuan sebanyak RM5,000 bagi pembangunan usahawan melalui perlabelan. Saya yakin ada diantara masyarakat orang asli Kampung Panchor ini berjaya memiliki pendapatan isi rumah RM4,000/bulan melalui aktiviti ladang dan keusahawanan.

Hadirin sekalian,

PEMBINAAN DEPO LATEKS

8. Melalui peruntukkan tahun 2021, RISDA akan memantapkan lagi Program Pembangunan Getah dan Peningkatan Produktiviti bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan ahli isi rumahnya.

Suka saya umumkan di sini bahawa, **RISDA akan**

membina sebuah Depo Lateks bernilai RM40,000 di Kampung Orang Asli Panchor ini yang akan memberi manfaat kepada 119 orang pekebun kecil di sekitar kampung ini. Depo ini merupakan yang pertama dibina di Kampung Orang Asli di Negeri Sembilan. Dengan pembinaan depo ini pekebun kecil dapat meningkatkan

pendapatan sehingga 30% melalui aktivitas penjualan lateks berbanding jualan secara skrap. Ia juga boleh memanfaatkan pekebun kecil di sekitar kawasan Kampung Panchor untuk menghantar lateks ke depo ini.

PENUTUP

9. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. En. Abdullah bin Zainal, Ketua Pengarah RISDA dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Terima kasih atas komitmen untuk menyampaikan perkhidmatan yang

terbaik dalam membela nasib rakyat khususnya
pekebun kecil.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Terima Kasih.